

11 AUG 2003

DIALOG-SWAZILAND/I

SAID TERAKHIR DR MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI

Oleh: Mikhail Raj Abdullah & Siti Hawa Othman

MBABANE (Swaziland), 11 Ogos (Bernama) -- Bagi peserta yang sering menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID), pertemuan minggu ini mungkin menjadi pertemuan bersejarah dan penuh emosi.

Ia kerana pertemuan kali ini akan menjadi lambaian terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pergerakan perkongsian pintar sebagai perdana menteri Malaysia.

Dr Mahathir-lah yang menjadi peneraju konsep perkongsian pintar -- seruan lantang negara-negara membangun yang mahukan kedudukan "menang-menang" berdasarkan kepada hasrat perkayakan-jiran-anda dengan rakan kerjasama.

Ramai yang ragu dengan istilah perkongsian pintar antara negara ketika konsep itu diutarakan buat pertama kali di Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1995.

Tetapi sejak itu, ia telah menarik lebih ramai pengikut sepertimana yang ditunjukkan dengan kekerapan penganjuran LID yang tetap di pulau peranginan di Malaysia. Edisi yang serupa juga telah diadakan di negara-negara Selatan Afrika di Benua Afrika.

Pada 2001, dialog itu berpindah ke Uganda, dan ia merupakan satu kejayaan kerana buat pertama kalinya ia diadakan di sebuah negara Afrika Timur.

Dr Mahathir akan tiba di sini pada Rabu selepas mengakhiri lawatan rasmi ke Algeria untuk menghadiri SAID yang akan dirasmikan oleh Raja Mswati III di majlis makan malam.

SAID akan diadakan di Kampung Dialog Ezulwini, beberapa kilometer di luar bandar raya ibu negara ini.

Terdapat persoalan samada LID akan diteruskan selepas Dr Mahathir bersara daripada menjadi perdana menteri, tetapi program rasmi yang dikeluarkan kepada pemberita Malaysia telahpun menyebut bahawa dialog itu akan diadakan di Langkawi tahun depan.

Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, wakil khas perdana menteri dan pengerusi CPTM Ltd -- pertubuhan yang berpusat di London yang menganjurkan dialog ini, berkata pertemuan tahun ini akan sekali lagi membincangkan isu-isu pembangunan yang serius yang dihadapi dunia, khususnya negara-negara Afrika.

Keselamatan, teknologi, k-ekonomi dan isu-isu serantau lain akan menjadi topik perbincangan di Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar 2003 Global dari 13 hingga 17 Ogos, di sini.

Dr Omar memberitahu pemberita baru-baru ini bahawa dialog ini akan membolehkan pembentukan rangkaian dan pemudah-caraan falfasah perkongsian pintar.

"Di dialog ini, kita sentiasa berbincang tentang perspektif perkongsian pintar yang berkaitan dengan isu-isu global sekarang," katanya.

Persoalan tentang keselamatan dijangka menjadi lebih penting berikutan letupan bom di Hotel JW Marriott di Jakarta minggu lepas yang membunuh lebih 10 orang.

Dr Omar berkata keselamatan masih dianggap kebimbangan besar kerana keselamatan global akan menjejaskan pembangunan tempatan dan serantau di negara-negara Selatan Afrika.

Mengenai bidang teknologi, beliau berkata keprihatinan utama adalah pengubah-suaian genetik (GM) makanan atau hasil pertanian.

"Terdapat perbahasan global tentang GM yang ia dikatakan hanya

berkaitan dengan kepentingan negara maju, dan oleh itu perbincangan mengenai keperluan negara membangun jarang diambil kira," katanya.

Tentang k-ekonomi, beliau berkata, perbincangan akan berkisar tentang bagaimana hendak mendapat manfaat daripadanya, dan untuk Malaysia berkongsi pengalaman dalam menanganinya, khususnya dalam penubuhan sistem penasihat untuk memaklumkan kerajaan dan sektor awam tentang perubahan dalam ekonomi.

Selain perspektif global, isu-isu kepentingan tempatan yang berkaitan dengan Swaziland dijangka timbul ketika dialog itu, khususnya yang berkaitan dengan hal ehwal semasa negara ini.

Sementara itu, Dr Omar berkata SAID telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada Raja King Mswati III, yang telah menunjukkan kecenderungan dalam dialog ini, dan terlibat secara peribadi dan cergas dalam menyelaras program dialog.

Dr Omar berkata kira-kira 12 pemimpin negara akan menghadiri dialog ini, termasuk Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe. -- BERNAMA

MR/SHO KTC SHY JR